

SEJARAH PENTADBIRAN JABATAN PERDANA MENTERI

DARI TAHUN 2007 hingga TAHUN 2009

| | |
|--------------------|--|
| 31 Dis. 2007 | Mahkamah Syariah WP diletakkan di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. |
| 16 Ogos 2008 | Sekretariat Pembelaan dan Pemerksaan Wanita Islam (SENADA) ditubuhkan yang mana diletakkan di bawah Y. Bhg. Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil sebagai Penasihat Hal-Ehwal Pembangunan Wanita dan Sosial kepada YAB Perdana Menteri Malaysia dan diletakkan di bawah JPM. SENADA menjalankan fungsi sebagai badan penasihat, perunding dan penyelaras kepada kerajaan tentang dasar-dasar yang berkaitan dengan pembangunan dan kebajikan wanita Islam dan pindah ke Kementerian Wanita. |
| 4 Sept. 2008 | Pusat Penyelarasan dan Penguatkuasaan Maritim (PPPM) diletakkan di bawah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Sebelum ini, PPPM adalah salah satu cawangan di Majlis Keselamatan Negara yang bertanggungjawab menyelaras aktiviti-aktiviti agensi penguatkuasaan Maritim dan menentukan aset Maritim yang digunakan untuk mengawasi perairan negara dikendalikan dengan cekap, pantas dan berkesan.. |
| 1 Januari 2009 | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ditubuhkan pada 1 Januari 2009 melalui penggubalan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008 (Akta 694). Beroperasi untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam usaha pencegahan rasuah serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan ketelusan dalam pelaksanaan fungsi Suruhanjaya. Suruhanjaya ini menggantikan Badan Pencegah Rasuah Malaysia (BPR) yang telah ditubuhkan pada 1 Oktober 1967 sebagai unit kecil yang diletakkan di bawah JPM untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pencegahan khususnya ceramah pada awalnya. |
| 2 Februari 2009 | Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman ditubuhkan melalui Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695) dan diletakkan di bawah JPM. |

| | |
|------|--|
| 2009 | Sehingga kini, terdapat 52 buah jabatan/ agensi di bawah JPM iaitu 4 buah agensi yang bersifat Agensi Pusat, 37 buah jabatan/ agensi, 7 buah Suruhanjaya, dan 4 buah Badan Berkanun. |
|------|--|